

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

YKT 212 – Komunikasi dan Budaya

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 5 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

1. Teknologi moden, khususnya teknologi komunikasi, menyediakan peluang yang cukup bagi setiap kumpulan dalam masyarakat untuk memperkayakan budaya dan memajukan kepentingan masing-masing. Bincang dengan memberi contoh.

(100 markah)

2. Pembentukan budaya kebangsaan adalah penting dalam usaha mendirikan identiti nasional dan perpaduan kebangsaan. Bincang dakwaan ini dengan mengambil kira pandangan yang dimajukan oleh Salinas dan Paldan (1979) dan Boyd-Barrett (1977).

(100 markah)

3. Jenis pakaian, antara lain, yang dipilih dan digunakan oleh para ahli sesebuah budaya kecil tertentu merupakan suatu perlambangan (*signification*) yang mempunyai nilai dan kegunaannya tersendiri. Nilai hujah ini dengan menggunakan konsep hegemoni yang dipelopori oleh Antonio Gramsci.

(100 markah)

4. Golongan feminis telah memberi sumbangan intelek yang penting terhadap penganalisisan budaya popular. Nilai tiga jenis feminism yang muncul dengan menggunakan beberapa contoh dari budaya popular.

(100 markah)

5. Pameran di kebanyakan muzium menggambarkan kedudukan subordinat wanita dalam sesebuah masyarakat. Bincang pernyataan ini dengan mengambil kira hujah yang dimajukan oleh Gaby Porter (1988). Sila beri contoh.

(100 markah)

-oooOooo-